



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 67
No. 23

6hb Jun 2024

TAMBAHAN No. 2
ENAKMEN

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, adalah diterbitkan menurut Fasal (3) Perkara 62 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis:

The following Enactment, passed by the Perlis State Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Ruler, is published pursuant to Clause (3) of Article 62 of the Laws of the Constitution of Perlis:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen A70	Enakmen Peruntukan DiRaja (Pindaan) 2024 Civil Lists (Amendment) Enactment 2024
Enakmen A71	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pindaan) 2024 Administration of the Religion of Islam (Amendment) Enactment 2024



UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen A70

ENAKMEN PERUNTUKAN DIRAJA (PINDAAN) 2024

Tarikh Persetujuan DiRaja ... 28 Mei 2024

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 6 Jun 2024

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS**Enakmen A70****ENAKMEN PERUNTUKAN DIRAJA (PINDAAN) 2024**

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SYED SIRAJUDDIN
JAMALULLAIL
Raja Perlis

19 Zulkaedah 1445
28 Mei 2024

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja Tahun 1986.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG ini oleh Majlis Undangan Negeri Perlis seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan DiRaja (Pindaan) 2024.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

Pindaan Jadual I, II, III dan IV

2. Enakmen Peruntukan Diraja Tahun 1986 [*Enakmen No. 3 Tahun 1987*] dipinda dengan menggantikan Jadual I, Jadual II, Jadual III dan Jadual IV dengan Jadual-Jadual yang berikut:

“JADUAL I (D.Y.M.M. TUANKU RAJA)

Peruntukan DiRaja	...	...	...	RM46,935.53 sebulan
Keraian	...	...	...	RM14,200.00 sebulan
Kurniaan-kurniaan dan sedekah-sedekah	...	...	...	RM240.00 sebulan
Jumlah				<u>RM61,375.53 sebulan</u>

JADUAL II (D.Y.M.M. TUANKU RAJA PEREMPUAN)

Peruntukan DiRaja	...	...	...	RM8,183.63 sebulan
Keraian	...	...	...	RM2,650.00 sebulan
Jumlah				<u>RM10,833.63 sebulan</u>

JADUAL III (D.Y.T.M. RAJA MUDA)

Peruntukan DiRaja	...	...	...	RM15,525.00 sebulan
Keraian	...	...	...	RM3,450.00 sebulan
Jumlah				<u>RM18,975.00 sebulan</u>

JADUAL IV (D.Y.T.M. RAJA PUAN MUDA)

Peruntukan DiRaja	...	...	...	RM5,200.88 sebulan”
-------------------	-----	-----	-----	---------------------

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 25 April 2024.
[SUK.Ps. 05/463 Jld. 18]

MAWAR BINTI AWANG

*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis*



LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment A70

CIVIL LISTS (AMENDMENT) ENACTMENT 2024

Date of Royal Assent	...	...	...	28 May 2024
Date of publication in the <i>Gazette</i>	...	...	...	6 June 2024

LAWS OF THE STATE OF PERLIS**Enactment A70****CIVIL LISTS (AMENDMENT) ENACTMENT 2024**

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SYED SIRAJUDDIN
JAMALULLAIL
Raja of Perlis

28 May 2024
19 Zulkaedah 1445

An Enactment to amend Civil Lists Enactment, 1986.

[]

ENACTED by the Legislature of Perlis as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Civil Lists (Amendment) Enactment 2024.

(2) This Enactment shall come into operation on 1 January 2024.

Amendment of Schedule I, II, III and IV

2. The Civil Lists Enactment, 1986 [*Enactment No. 3 of 1987*] is amended by substituting Schedule I, Schedule II, Schedule III and Schedule IV with the following Schedules:

“SCHEDULE I (H.R.H. THE RAJA)

Privy Purse	...	...	...	RM46,935.53 per mensem
Entertainment	...	...	...	RM14,200.00 per mensem
Royal Bounty and Alms	...	...	...	RM240.00 per mensem
Total				<u>RM61,375.53 per mensem</u>

SCHEDULE II (H.R.H. THE RAJA PEREMPUAN)

Privy Purse	...	...	...	RM8,183.63 per mensem
Entertainment	...	...	...	RM2,650.00 per mensem
Total				<u>RM10,833.63 per mensem</u>

SCHEDULE III (H.H. THE RAJA MUDA)

Privy Purse	...	...	...	RM15,525.00 per mensem
Entertainment	...	...	...	RM3,450.00 per mensem
Total				<u>RM18,975.00 per mensem</u>

SCHEDULE IV (H.H. THE RAJA PUAN MUDA)

Privy Purse	...	...	...	RM5,200.88 per mensem”
-------------	-----	-----	-----	------------------------

Passed in the State Legislative Assembly this 25 April 2024.
[SUK.Ps 05/463 Jld. 18]

MAWAR BINTI AWANG
Secretary of the State Legislative Assembly
Perlis



UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen A71

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(PINDAAN) 2024**

Tarikh Persetujuan DiRaja ... 28 Mei 2024

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 6 Jun 2024

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS**Enakmen A71****ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(PINDAAN) 2024**

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SYED SIRAJUDDIN
JAMALULLAIL
*Raja Perlis*19 Zulkaedah 1445
28 Mei 2024

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 [*Enakmen 4*].

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG ini oleh Majlis Undangan Negeri Perlis seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pindaan) 2024.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2024.

Pindaan Seksyen 2

2. (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 [*Enakmen 4*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini dipinda dalam subseksyen 2(1)—

(a) dengan memasukkan selepas takrifan “ahli kariah” takrifan berikut—

‘ “bailif” termasuklah pendaftar atau mana-mana kerani atau pegawai Mahkamah yang dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan kewajipan seorang bailif;’

(b) dengan memasukkan selepas takrifan “Setiausaha” takrifan berikut—

“teknologi komunikasi jarak jauh” ertinya apa-apa komunikasi secara elektronik termasuk rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa komunikasi elektronik lain yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah;’

Pindaan Seksyen 49

3. Subseksyen 49(2) Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “di dalam Negeri Perlis” perkataan “sebagai autoritatif”.

Seksyen baharu 55A dan 55B

4. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 55 seksyen baharu 55A dan 55B yang berikut—

“Hukum Syarak

55A. (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang tidak selaras dengan Hukum Syarak adalah terbatal setakat ketidakselarasan itu.

(2) Jika terdapat apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Enakmen ini, Mahkamah hendaklah menerima pakai Hukum Syarak.

Cap mohor/meterai

55B. Mana-mana Mahkamah yang ditubuhkan di bawah subseksyen 55(1), (2), dan (3) Enakmen ini hendaklah mempunyai satu mohor atau meterai daripada jenis dan corak yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Syarie.”

Pindaan Seksyen 60

5. Seksyen 60 Enakmen ibu dipinda dengan—

- (a) menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (b) memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut—

“(2) Apa-apa pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.”

Seksyen baharu 60A

6. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 60 seksyen baharu 60A yang berikut—

“Bailif

60A. (1) Ketua Hakim Syarie mempunyai kuasa untuk melantik mana-mana pendaftar atau kerani atau pegawai Mahkamah sebagai bailif.

(2) Bailif hendaklah melaksanakan segala saman, waran, perintah, kaedah, notis, suruhan dan proses lain mana-mana Mahkamah yang diberikan kepadanya oleh Mahkamah itu bagi maksud itu, dan hendaklah membuat suatu penyata mengenainya serta cara pelaksanaannya kepada Mahkamah

yang daripadanya proses itu dikeluarkan, dan hendaklah menerima semua orang yang dikomitkan ke dalam jagaannya oleh Mahkamah.

(3) Bailif dalam melaksanakan apa-apa penyitaan dan penjualan atau apa-apa pelaksanaan atau distress yang lain boleh memasuki mana-mana bangunan, dan bagi maksud itu, jika perlu, boleh memecah buka mana-mana pintu atau tingkap di bahagian luar atau dalam bangunan itu atau apa-apa bekas di dalamnya, dengan menggunakan kekerasan yang semunasabahnya perlu bagi memasukinya.”

Seksyen baharu 72A dan 72B

7. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 72 seksyen baharu 72A dan 72B yang berikut—

“Mahkamah boleh menjalankan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh

72A. (1) Walau apa pun peruntukan seksyen 72, Mahkamah boleh, demi kepentingan keadilan, mendengar dan memutuskan apa-apa kausa atau perkara, mal atau jenayah, melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh.

(2) Tempat di mana prosiding itu didengar dan diputuskan di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan didengar dan diputuskan dalam bidang kuasa Mahkamah itu.

(3) Bagi maksud subseksyen (2) takrifan “tempat” termasuklah ruang siber, ruang maya atau tempat maya.

Perkhidmatan elektronik

72B. Ketua Hakim Syarie boleh mengadakan suatu perkhidmatan elektronik bagi penerimaan, pemfailan, penyampaian, pengakuteraan, pengemukaan, penyimpanan apa-apa dokumen atau pembayaran tertentu atau apa-apa perkara lain dengan menggunakan perkhidmatan itu.”

Pindaan Seksyen 75

8. Seksyen 75 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut—

“(4) Jika Mahkamah Syariah di dalam Negeri Perlis membuat suatu perintah atau penghakiman terhadap mana-mana orang atau suatu perintah yang memanggil mana-mana orang supaya hadir di suatu Mahkamah Syariah, dan orang itu berada atau dipercayai berada di dalam negeri lain di Malaysia, dan perintah atau penghakiman itu dilaksanakan terhadap atau disampaikan kepada orang itu mengikut mana-mana undang-undang negeri itu, perintah atau penghakiman itu hendaklah, bagi maksud Enakmen ini, disifatkan telah dilaksanakan atau disampaikan dengan sewajarnya seolah-olah pelaksanaan atau penyampaian itu telah dilaksanakan atau disempurnakan di dalam Negeri Perlis.”

Pindaan Seksyen 76

9. Seksyen 76 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut—

“(3) Tiada seorang pun bailif atau pegawai lain Mahkamah yang dipertanggungjawabkan dengan tugas melaksanakan apa-apa penghakiman atau perintah, atau menahan apa-apa harta sebelum penghakiman, boleh dibawa guaman terhadapnya di dalam mana-mana Mahkamah Syariah atau mahkamah sivil berkenaan dengan apa-apa harta yang telah disita olehnya, atau berkenaan dengan apa-apa kerosakan yang disebabkan kepada apa-apa harta dalam melaksanakan atau mencuba untuk melaksanakan penyitaan itu, melainkan jika didapati bahawa dia dengan disedarinya telah bertindak melebihi kuasa yang diberikan kepadanya oleh waran atau perintah yang berkenaan itu, dan dia tidaklah boleh disifatkan telah bertindak dengan disedarinya melebihi kuasanya semata-mata oleh sebab dia mengetahui tentang kewujudan sesuatu pertikaian tentang pemunyaan harta yang disita sedemikian.”

Seksyen baharu 77A

10. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 77 seksyen baharu 77A yang berikut—

“Arahan Ketua Hakim Syarie

77A. (1) Ketua Hakim Syarie boleh, dari semasa ke semasa mengeluarkan arahan atau arahan amalan berhubung dengan tatacara Mahkamah Syariah, sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(2) Apa-apa arahan atau arahan amalan yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Syarie sebelum tarikh kuat kuasa seksyen 77A ini hendaklah disifatkan telah dikeluarkan menurut seksyen 77A.”

Pindaan Seksyen 80

11. Seksyen 80 Enakmen ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (2)(b) dengan menambah selepas perkataan “Peguam Syarie” perkataan “, termasuk mengenakan sebarang hukuman bagi apa-apa kesalahan yang ditetapkan”.

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen baharu yang berikut—

“(7) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 25 April 2024.
[SUK.Ps. 05/463 Jld. 18]

MAWAR BINTI AWANG
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis*



LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment A71

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(AMENDMENT) ENACTMENT 2024**

Date of Royal Assent	...	...	...	28 May 2024
Date of publication in the <i>Gazette</i>	...	...	...	6 June 2024

LAWS OF THE STATE OF PERLIS**Enactment A71****ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(AMENDMENT) ENACTMENT 2024**

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SYED SIRAJUDDIN
JAMALULLAIL
*Raja of Perlis*28 May 2024
19 Zulkaedah 1445

An Enactment to amend Administration of the Religion of Islam
Enactment 2006 [*Enactment 4*].

[]

ENACTED by the Legislature of Perlis as follows:**Short title and commencement**

1. (1) This Enactment may be cited as the Administration of the Religion of Islam (Amendment) Enactment 2024.

(2) This Enactment shall come into operation on 1 May 2024.

Amendment of section 2

2. (1) The Administration of the Religion of Islam Enactment 2006 [*Enactment 4*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended in subsection 2(1)—

(a) by inserting after the definition of “*ahli kariah*” the following definition—

“bailiff” includes the registrar or any clerk or officer of the Court responsible for carrying out the duties of a bailiff;’

(b) by inserting after the definition of “Secretary” the following definition—

“remote communication technology” means any electronic communication, including live video networks, live television networks, or any other electronic communication as the Court deems fit;’

Amendment of section 49

3. Subsection 49(2) of the principal Enactment is amended by inserting after word “in the State of Perlis” the words “as authoritative”.

New section 55A and 55B

4. The principal Enactment is amended by inserting after section 55 new section 55A and 55B as follows—

“Hukum Syarak

55A. (1) Any provision or interpretation of provisions under this Enactment that is inconsistent with *Hukum Syarak* is void to the extent of the inconsistency.

(2) If there is any matter not expressly provided for by this Enactment, the Court shall apply *Hukum Syarak*.

Common seal/seal

55B. Any Court established under subsection 55(1), (2), and (3) of this Enactment shall have a seal of the type and pattern prescribed by the Chief Syarie Judge.”

Amendment of section 60

5. Section 60 of the principal Enactment is amended by—

- (a) renumbering the existing section as subsection (1); and
- (b) inserting after the renumbered subsection (1) the following subsection—

“(2) Any appointment under subsection (1) shall be published in the *Gazette*.”

New section 60A

6. The principal Enactment is amended by inserting after section 60 new section 60A as follows—

“Bailiff

60A. (1) The Chief Syarie Judge has the power to appoint any registrar or clerk or officer of the Court as a bailiff.

(2) The bailiff shall execute all summonses, warrants, orders, rules, notices, instructions and other processes of any Court given to him by that Court for that purpose, and shall make a statement about it and the manner of its execution to the Court from which the process was issued, and shall receive all persons committed into his custody by the Court.

(3) The bailiff in carrying out any seizure and sale or any other execution or distress may enter any building, and for that purpose may if necessary break open any door or window on the exterior or interior of the building or any container in it, using force that is reasonably necessary to enter it.”

New section 72A and 72B

7. The principal Enactment is amended by inserting after section 72 new section 72A and 72B as follows—

“Courts may conduct proceedings through remote communication technology

72A. (1) Notwithstanding the provisions of section 72, the Court may, in the interest of justice, hear and decide any cause or matter, civil or crime, via a remote communication technology.

(2) The place where the proceeding is being heard and decided under subsection (1) shall be deemed to be heard and decided within the jurisdiction of the Court.

(3) For the purpose of subsection (2) the definition of “place” includes cyber space, virtual space or virtual place.

Electronic services

72B. The Chief Syarie Judge may provide an electronic service for the receipt acknowledgement service, filing, acceptance, submission, storage of any document or a particular payment or any other matter by using the service.”

Amendment of section 75

8. Section 75 of the principal Enactment is amended by inserting after subsection (3) the following subsection—

“(4) If the Syariah Court in the State of Perlis makes an order or a judgment against any person or an order summoning any person to appear in a Syariah Court, and that person is or is believed to be in another state in Malaysia, and the order or judgment executed against or served upon the person in accordance with any law of

the state, the order or judgment shall, for the purposes of this Enactment, be deemed to have been duly executed or served as if the execution or service had been executed or completed within the State of Perlis.”

Amendment of section 76

9. Section 76 of the principal Enactment is amended by inserting after subsection (2) the following subsection—

“(3) No bailiff or other officer of the Court responsible for the duty of executing any judgment or order, or detaining any property prior to a judgment, shall be sued in any Syariah Court or civil court in respect of any property which has been seized by him, or in respect of any damage caused to any property in effecting or attempting to effect such seizure, unless it is found that he has knowingly acted in excess of the powers conferred on him by the relevant warrant or order, and he cannot be deemed to have knowingly acted beyond his authority simply because he knew of the existence of a dispute regarding the ownership of such seized property.”

New section 77A

10. The principal Enactment is amended by inserting after section 77 new section 77A as follows—

“Direction of the Chief Syarie Judge

77A. (1) The Chief Syarie Judge may, from time to time give direction or a practice direction in relation to the procedure of the Syariah Court, as he deems necessary.

(2) Any direction or practice direction issued by the Chief Syarie Judge prior to the effective date of this section 77A shall be deemed to have been issued in accordance with section 77A.”

Amendment of section 80

11. Section 80 of the principal Enactment is amended—

(a) in paragraph (2)(b) by inserting after the word “*Peguam Syarie*” the words “, including to impose any punishment for any prescribed offence”.

(b) by inserting after subsection (6) the following subsection—

“(7) Any person who contravene the provisions of this section shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for term not exceeding three years or to both.”

Passed in the State Legislative Assembly this 25 April 2024.
[SUK.Ps. 05/463 Jld. 18]

MAWAR BINTI AWANG
*Secretary of the State Legislative Assembly
Perlis*

